

50 peserta ikuti Kursus Keusahawanan Digital Mara

6.10.2018 B7

LABUAN: Seramai 50 peserta sedang mengikuti Kursus Keusahawanan Digital di Makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Aras 9, Bangunan Menara UMSKAL yang bermula Jumaat hingga Ahad ini.

Kursus tiga hari itu dikendalikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (Erdec) UMS dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan FKI UMSKAL.

Menurut Pegawai Mara Labuan Mohd Azhar Mohamed, peserta itu terdiri daripada pelajar Institusi Pendidikan Mara (IPM) dan usahawan yang menjalankan pelbagai jenis perniagaan termasuk food truck, jahitan dan produk kecantikan.

Katanya, kursus itu bertujuan untuk memperkenalkan perniagaan digital kepada peserta untuk mengembangkan lagi bidang keusahawanan yang mereka ceburi.

Selain itu, beliau mahu



AZHAR (empat kiri) dan Dr Salmah (lima kiri) bersama peserta Kursus Keusahawanan Digital yang diadakan di UMS Kampus Antarabangsa Labuan pada 5 - 7 Oktober 2018.

peserta menggunakan facebook media sosial sebagai medium menjalankan perniagaan.

"Kami berharap peserta dapat menceburkan diri dalam digital ekonomi," katanya ketika menyampaikan ucapan alu-aluan kepada peserta kursus.

Kursus itu dikendalikan Pengarah Erdec UMS Dr Salmah Topimin yang dibantu tiga fasilitator yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Dr Noor Fzlinda Fabeil dan dua pensyarah FKI, Mohd Yuszren Yusak dan Nona Masnie Haji Mohd Nistah.

Azhar berkata kursus yang julung kalinya diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan diharap memberi manfaat kepada peserta yang terdiri daripada pelajar dan usahawan tempatan.

"Peserta perlu memanfaatkan ilmu yang diperolehi daripada penceramah yang berpengalaman dalam bidang digital untuk mengembangkan lagi perniagaan yang mereka ceburi," katanya.